



**MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

**PEKELILING MAJIKAN BIL 6/98
MENANDAKAN SKIM LATIHAN YANG BERKENAAN PADA TUNTUTAN DI BORANG
MPSM/T/93 (Pin.95)**

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan kepada majikan berkaitan pembetulan tatacara pengisian borang tuntutan MPSM/T/93 (Pin. 95) di muka surat 141, Manual Prosedur Kerja dimana tajuk borang MPSM/T/93 (Pin. 95) ini telah tertinggal cetak tanda '*' yang sepatutnya dicetak sebagai "DI BAWAH SKIM SBL / PLT / SBL LULUS / SKIM LATIHAN BERSAMA *".

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Pihak Majlis telah mengedarkan manual prosedur kerja kepada setiap majikan yang berdaftar.
- 2.2 Prosedur tuntutan skim SBL / PLT telah memberi kelonggaran kepada majikan untuk menggunakan borang MPSM/T/93 (Pin. 95) atau MPSM/T/1/93 (jika masih mempunyai stok). Majikan adalah dinasihatkan supaya menggunakan borang MPSM/T/93 (Pin. 95) dan memotong mana-mana skim yang tidak berkenaan bagi butir yang bertanda '*'.

3. MENANDAKAN SKIM LATIHAN YANG BERKENAAN PADA BORANG TUNTUTAN MPSM/T/93 (Pin. 95)

- 3.1 Tuntutan majikan yang diisikan untuk skim latihan yang tepat dalam borang MPSM/T/93 (Pin. 95) akan mempercepatkan semakan surat kelulusan untuk diproses dan seterusnya akan mempercepatkan pembayaran tuntutan kepada majikan.
- 3.2 Majikan perlu memotong skim-skim latihan yang tidak berkenaan, sebagai contohnya jika borang tuntutan adalah untuk skim SBL, sila potong skim-skim yang lain seperti di bawah:-

"DI BAWAH SKIM SBL / ~~PLT~~ / ~~SBL LULUS~~ / ~~SKIM LATIHAN BERSAMA~~ *"

sila lihat juga contoh yang dilampirkan.

- 3.3 Dengan demikian pihak Majlis akan terus dapat menyemak kelulusan skim SBL untuk memproses tuntutan ini. Jika pihak Majlis terpaksa menyemak skim sehingga jumpa surat kelulusan dan ini sudah tentu akan mengambil masa yang lama. Bagi mengelakkan kelewatan memproses tuntutan pihak tuan, kerjasama pihak tuan seperti di perenggan 3 adalah sangat diperlukan.

4. PENUTUP

- 4.1 Kerjasama pihak majikan adalah amat dihargai.

4.2 Pekeliling Majikan Bil. 6/98 ini berkuatkuasa mulai 16 Ogos 1998.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(WAHAB BIN TASLIM)

Pengarah Kewangan

b.p Ketua Pengarah

Majlis Pembangunan Sumber Manusia